

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN YANG KE-13**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
(SEGAMBUT)**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 43**

**SOALAN :** minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menggubal Akta Anti Rasis dan Akta Anti Diskriminasi. Sekiranya ada, bilakah akta-akta tersebut akan dibentang di Parlimen.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pada masa kini Kerajaan tidak pernah membincangkan untuk menggubal Akta Anti Rasis dan Akta Anti Diskriminasi yang bertujuan antara lain untuk memelihara keselamatan dan perpaduan kaum di negara ini.

Kerajaan berpendapat usaha menyatupadukan kaum di negara ini lebih sesuai dilaksanakan berterusan melalui pendidikan dan bukannya melalui

117

pelaksanaan undang-undang. Kerajaan tidak akan menggunakan undang-undang sewenang-wenangnya untuk menyatupadukan kaum, sebaliknya masyarakat perlu dididik bukan sahaja pada peringkat dewasa malah pada peringkat kecil lagi.

Sesungguhnya usaha untuk memupuk perpaduan tidak ada secara paksaan. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merasakan rang undang-undang Anti Rasis dan Anti Diskriminasi itu tidak perlu kerana perpaduan di negara ini masih berada pada peringkat yang baik dan terkawal. Jika perlu sekali pun, akta-akta sedia ada boleh dibuat penambahbaikkan bagi tujuan tersebut membendung anti rasis dan anti diskriminasi.

Di samping itu, pelbagai langkah akan terus diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu antaranya:

**Pertama**, sentiasa memegang teguh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka.

**Kedua**, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna.

**Ketiga**, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja, serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita, program sukan yang menarik penyertaan dan sokongan semua dan sebagainya.

**Keempat**, mewujudkan saluran dan mekanisme formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul. Di samping itu, adalah perlu juga untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa, sekiranya timbul.

**Kelima,** berusaha menyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejas kesensitifan dan keamanan, jikalau didapati perlu. Di sebaliknya, mereka hendaklah sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan prinsip kesederhanaan dan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Perpaduan